BAHASA MELAYU DARJAH 4

**KATA KERJA**

1 Encik Daud ____________ rumput di belakang rumahnya dengan sabit.

A menebas B membajak C menoreh D menajak

2 Keluarga malang itu tinggal sehelai sepinggang setelah rumah mereka ____________ dalam kebakaran petang semalam.

A roboh B ranap C hancur D musnah

3 Kereta yang dipandu laju itu tidak dapat dikawal lalu ____________ ke tepi jalan.

A terjatuh B tergolek C. terbabas D terhempas

4 Pak Mat sedang tekun ____________ jalanya yang koyak.

A menampal B menyirat C menjahit D mengait

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5 Nenek ____________ kuih pau dan lepat pisang untuk dimakan petang nanti.

A merebus B menanak C mengukus D menjerang

6 Kakak ____________ ikan yang hendak digorengnya dengan garam halus dan kunyit.

A mengadun B menabur C mencalit D melumur

7 Bekalan makanan ke kawasan pedalaman ____________ jika banjir masih berterusan.

A tersadai B tersimpan C terputus D terbantut

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah



8 Abang _____________ dahan kayu yang terkena bumbung rumah mereka dengan sebilah parang yang tajam.

A menetak B memangkas C mengerat D mencantas

9 Nenek begitu cekap _____________ padi di dalam lesung.

A menampi B menuai C menumbuk D mengirik

10 Kapal dagang itu telah _____________ meninggalkan pelabuhan .

A berlabuh B belayar C bergerak D berganjak

1 1 Rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas layak _____________ dalam pilihan raya.

A memilih B mengundi C melabur D menyambut

12 Guru Besar _____________ mereka yang dilantik menjadi pengawas supaya dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

A merayu B menyuruh C mendesak D mengharap

13 Lelaki yang _____________ kedai emas itu telah ditembak mati.

A meragut B memecah C merompak D merampas

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah



14 Zainal pandai ____________ layang-layang daripada buluh.

A menghias B menekan C membuat D menjahit

15 Rohaida______________ peluh di dahinya

A mengelap B mengusap C mengalir D menepuk

16 Puan Nor ____________ wang di bank untuk tabung pendidikan anaknya.

A menyimpan B mengeluarkan C memasukkan D meminta

**KATA GANTI NAMA**

1. "Ibu, duit ………………….. hilang," kata Umair kepada ibunya.
   A. kita
   B. kami
   C. saya
   D. mereka

2. Darus dan Intan bersahabat karib. ……………………tinggal sekampung.
   A. Dia
   B. Kita
   C. Kami
   D. Mereka

3. Salmi murid tahun enam . ……………….. berazam untuk mencapai 5A dalam UPSR.
   A. Dia
   B. Kami
   C. Awak
   D. Saya

4. Bangunan baharu itu telah dirasmikan oleh …………………………….
   A. dia
   B. kami
   C. kamu
   D. beliau

5. "Sebagai murid, ……………………….. hendaklah belajar bersungguh-sungguh," kata cikgu.
   A. dia
   B. kita
   C. kamu
   D. mereka

6. "Boleh ………………….. tumpang bertanya ?" kata Suri dan Muna kepada pemuda itu.
   A. kamu
   B. awak
   C. kami
   D. saya

7. "Ampun …………………..tuanku," sembah Hang Tuah kepada raja.
   A. beta
   B. patik
   C. hamba
   D. baginda

8. "Jika ………………….ada masa lapang , jemputlah ke rumah saya," kata Ani kepada kawan-kawannya.
   A. dia
   B. awak
   C. beliau
   D. kalian

9. Penjahat itu sudah ditangkap.………………….akan dibawa ke balai polis.
   A. Saya
   B. Dia
   C. Mereka
   D. Beliau

10. Harap maklum, …………………. akan dilayan sebentar lagi.
   A. kami
   B. mereka
   C. anda
   D. dia

11. “ Ibu , ini kawan-kawan lama saya . Bolehkah …………………menumpang tidur di rumah kita ?” kata Rosmaini kepada ibunya.
   A. mereka
   B. engkau
   C. kalian
   D. dia

12. “Kalau ……………….izinkan sekarang juga patik akan melaksanakan tugas itu ,” sembah ahli nujum kepada sultan.
   A. tuan
   B. tuanku
   C. baginda
   D. tuan hamba

13. “ Saya harap ………………..dapat mempersembahkan permainan yang bermutu nanti ,” kata jurulatih bola sepak itu kepada pemain-pemainnya.
   A. mereka
   B. kalian
   C. kami
   D. kita

14. Setelah sultan mangkat , maka takhta kerajaan negeri itu pun diserahkan kepada putera ………………… .
   A. baginda
   B. tuanku
   C. beta
   D. nya

15. “………………….kah gadis yang berbaju kurung hijau yang berjalan dengan awak, semalam?”tanya Maniam kepada Razif.
   A. Apa
   B. Mana
   C. Siapa
   D. Mengapa

16. Dulu Disman pengurus bank di bandar itu. Kini …………………….dinaikkan pangkat sebagai pengurus besar di Kuala Lumpur.
   A. mereka
   B. beliau
   C. kamu
   D. dia

KATA ADJEKTIF

**Padankan kata adjektif dibawah ini dengan maksudnya. Satu contoh telah diberikan kepada anda.**

| KATA ADJEKTIF | JAWAPAN | MAKSUDNYA |
|---|---|---|
| **1. harum** | **1, j** | *a. baju yang berlubang* |
| 2. hanyir | | *b. terlebih garam* |
| 3. hapak | | *c. tidak masak (mangga)* |
| 4. hancing | | *d. tiada rasa* |
| 5. kelat | | *e. bising* |
| 6. tengik | | *f. sedih* |
| 7. compang-comping | | *g. sangat putih* |
| 8. hitam-legam | | *h. sangat hitam* |
| 9. putih-melepak | | *i. busuk air kencing* |
| 10. pilu | | ***j. wangi*** |
| 11. riuh | | *k. bau ikan* |
| 12. tawar | | *l. bau busuk kerana simpan lama* |
| 13. masin | | *m. kecil, pendek* |
| 14. masam | | *n. suara penyanyi* |
| 15. kerdil | | *o. lembut (ubi)* |
| 16. hangit | | *p. tidak garing (biskut)* |
| 17. lemau | | *q. bau minyak yang disimpan lama* |
| 18. empuk | | *r. rasa pahit kerana tidak masak (pisang)* |
| 19. merdu | | *s. bau terbakar (nasi)* |